

UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN, MENTERI PELAJARAN
DAN Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO
MALAYSIA DI MESYUARAT AGUNG SURUHANJAYA KEBANG-
SAAN UNESCO YANG DIADAKAN DI BILIK GERAKAN,
KEMENTERIAN PELAJARAN, KUALA LUMPUR, PADA 12HB.
JULAI, 1973, PUKUL 9.30 PAGI.

Saya suka mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan ke mesyuarat Agung Tahunan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia. Saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan saya kepada ahli-ahli Suruhanjaya Kebangsaan, ahli-ahli berbagai jawatankuasa dan pegawai-pegawai Kementerian-Kementerian, Universiti-Universiti dan lain-lain badan di atas sumbangan mereka kepada aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan Suruhanjaya Kebangsaan dalam masa 2 tahun yang lalu. Khususnya, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Encik K. Arianayagam yang telah menjadi wakil tetap ke UNESCO di Paris sehingga beliau bersara dalam bulan Disember, tahun 1971 dan Encik Abdullah Sultan yang telah menjadi Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan kita sehingga beliau bersara dari perkhidmatan dalam bulan Jun 1972, kerana perkhidmatan mereka masing-masing.

2. Sebagaimana yang tuan-tuan ketahui, UNESCO adalah merupakan satu daripada agensi-agensi khas dalam keluarga bangsa-bangsa bersatu. Ia telah ditubuhkan dalam tahun 1945 bagi maksud mengadakan persefahaman dan kerjasama antara bangsa melalui pelajaran Sains, Teknologi, Kebudayaan dan Penerangan supaya dapat memberi sumbangan terhadap keamanan dan keselamatan dunia. Malaysia menjadi anggota UNESCO dalam tahun 1958 dan semenjak itu, ia telah mendapat faedah bukan sahaja melalui berbagai rancangan bantuan tekniknya bahkan juga daripada latihan, fellowship, serta pakar-pakarnya. Dengan adanya konsep dan strateji rancangan dalam negeri atau Country Programming dalam tahun 1971 oleh U.N.D.P. (United Nations Development Programme) agensi pembiayaan utama

bangsa-bangsa bersatu, yang mana UNESCO merupakan satu daripada agensi-agensi ini, telah memainkan peranan yang bertambah penting dalam membantu rancangan-rancangan pembangunan negara kita.

3. Dalam bulan Jun, 1971, Pengarah Agung UNESCO telah membuat lawatan ke Malaysia atas jemputan Kerajaan dan menandatangani satu persetujuan dengan Malaysia berkenaan dengan bantuan teknik dan kerjasama dalam bidang pendidikan, Sains, Teknologi dan Penyelidikan, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Penerangan dan Penyiaran, Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Perancangan Ekonomi. Pada masa sekarang, Malaysia sedang menerima bantuan teknik di bawah rancangan dalam negeri U.N.D.P. yang dilaksanakan oleh UNESCO bagi projek-projek berikut:-

- (i) Pusat Perkembangan Pelajaran,
Kementerian Pelajaran.
- (ii) Politeknik Ungku Omar, Ipoh.
- (iii) Perkhidmatan Talivisyen Pendidikan,
Kementerian Pelajaran.
- (iv) Institut Latihan Penyiaran Asia,
Kuala Lumpur.
- (v) Projek Pendidikan Kependudukan
(Population Education), Kementerian
Pelajaran.
- (vi) Projek Guru-Guru Sains Pertanian,
Kementerian Pelajaran.

Disamping itu, bersama dengan lain-lain agensi khas Bangsa-Bangsa Bersatu, UNESCO juga terlibat secara tidak langsung dalam banyak lagi projek-projek di Malaysia seperti pinjaman daripada Bank Dunia, Pendidikan Kependudukan, Pelajaran Tinggi dan Teknik, Kesihatan dan Zat Makanan, Penyalah-Gunaan dan Pencegahan Dadah, Latihan Tenaga Manusia dan lain-lain.

4. Tahun 1972 adalah merupakan satu tahun yang aktif bagi Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO. Kegiatan-kegiatan penting dalam tahun itu ialah rancangan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tahun buku antarabangsa dan projek wilayah bagi pengajian kebudayaan Melayu di mana UNESCO telah meluluskan \$87,000 Dollar Amerika bagi tempoh dua tahun 1973/1974 dan telah melanjutkan tempoh projek itu selama dua tahun lagi dengan kemungkinan projek ini akan dilanjutkan selama 6 tahun lagi. Dalam tahun tersebut, empat seminar dan bengkel UNESCO telah diadakan di Malaysia dan seramai 41 orang pegawai dan

pakar-pekar dari Malaysia telah dijemput untuk menyertai persidangan, bengkel dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh UNESCO itu.

5. Dalam ucapan dasar kepada persidangan Agung UNESCO dalam bulan Oktober, 1972, saya telah mencadangkan kepada UNESCO supaya mengisytiharkan tahun 1974 sebagai tahun pendidikan kanak-kanak (Childhood Education Year) dengan menitikberatkan pelajaran pra-sekolah dan pelajaran rendah. Saya juga telah meminta UNESCO supaya membantu dalam penyusunan semula sistem dan rancangan pelajaran di wilayah Asia. Perwakilan Malaysia telah mengambil peluang mengadakan perbincangan-perbincangan dengan berbagai Jabatan di Sekretariat UNESCO untuk mendapatkan bantuan teknik selanjutnya, dan 14 permintaan seperti itu telah dikemukakan di bawah rancangan penyertaan (Participation Programme). Hasil dari perbincangan-perbincangan ini, bantuan-bantuan berikut telahpun dijanjikan setakat ini:-

- (i) Bantuan kewangan sebanyak \$8,000 Dollar Amerika untuk seminar wilayah mengenai pembangunan bidang pelajaran dalam tahun 1973 ini, di Kuala Lumpur.
- (ii) Seorang perunding dan perkhidmatan dokumentasi bagi seminar kebangsaan mengenai pendidikan pra-sekolah.
- (iii) Bantuan untuk persidangan wilayah majlis Arkhiv Antarabangsa cawangan wilayah Asia Tenggara (SARBICA) yang akan datang.
- (iv) Satu lagi Shipboard Fellowship dalam tahun 1973 sebagai tambahan kepada fellowship yang diberikan dalam tahun 1972 kepada Universiti Sains, Malaysia dan di samping itu, bantuan professional bagi penubuhan sebuah Pusat Sains Laut di Malaysia.
- (v) Bantuan daripada Pusat Asia bagi pembaharuan pelajaran untuk pembangunan kepada Pusat perkembangan Pelajaran di Malaysia.

6. Sungguhpun Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menerima bantuan teknik, kewangan dan lain-lain dari UNESCO, saya percaya pertubuhan ini akan memberi bantuan yang lebih banyak lagi sekiranya kita memberi tahu apakah jenis-jenis bantuan yang kita perlukan. Untuk tujuan ini adalah didapati perlu bahawa Suruhanjaya Kebangsaan terutama sekali Sekretariatnya disusun dengan teratur lagi berkesan dan diberi kakitangan yang mencukupi. Inilah perkara yang amat penting yang tuan akan bincangkan dalam mesyuarat ini.



No. Siri	557
No. Penerimaan	202/80

F. Ucapannya

Address by Y.B. Datuk Hussein Onn, Minister of Education and Chairman of the Malaysian National Commission for UNESCO at the Annual General Meeting of the UNESCO National Commission to be held at Bilik Gerakan, Ministry of Education Kuala Lumpur, on 12th July, 1973 at 9.30 a.m.

Tuan-tuan sekalian,

I wish to welcome you all to the Annual General Meeting of the Malaysian National Commission for UNESCO. I also wish to take the opportunity to place on record my thanks and appreciation to the members of the National Commission, the members of the various committees and numerous officials in the Ministries, Universities and other bodies for their services and contributions to the activities and programmes of the National Commission during the past two years. In particular, I would like to thank Encik K. Arianayagam who was our Permanent Delegate to UNESCO in Paris until his retirement in December 1971, and Encik Abdullah Sultan who was the Secretary-General of our National Commission until his retirement in June 1972, for their services.

2. As you are aware, UNESCO is one of the specialised agencies of the United Nations family system. It was established in 1945 for the expressed purpose of promoting international understanding and co-operation through education, science, technology, culture and information in order to contribute to world peace and security. Malaysia became a member of UNESCO in 1958, and since then, has benefited not only through its various programmes of technical assistance, but also from its experts, training awards and fellowships. With the introduction of the concept and strategy of Country Programming in 1971 by UNDP (United Nations Development Programme), the major funding agency of the United Nations, UNESCO, being one of its executive agencies, is playing an increasingly important role in assisting in the development programmes of our country.

3. In June 1971, the Director-General of UNESCO visited Malaysia at the invitation of the Government, and signed an Aide Memoire with Malaysia concerning technical assistance and co-operation in education, science, technology and research, culture, youth and sports,

information and broadcasting, national and rural development and economic planning. At present, Malaysia is receiving technical assistance under the Country Programme of UNDP and executed by UNESCO on the following projects:-

- (i) Educational Development Centre, Ministry of Education;
- (ii) Ungku Omar Polytechnic, Ipoh;
- (iii) Educational Television Service, Ministry of Education;
- (iv) The Asian Broadcasting Training Institute, Kuala Lumpur;
- (v) Population Education Project, Ministry of Education; and
- (vi) Agricultural Science Teachers Project, Ministry of Education.

In addition, UNESCO in collaboration with other U.N. specialised agencies, is indirectly involved in many other projects in Malaysia, such as loans from the World Bank, population education, higher and technical education, health and nutrition, drug abuse and prevention, manpower training, etc.

4. 1972 had been an active year for the UNESCO National Commission. The most notable were the programmes of activities concerning the International Book Year and the Regional Project for the Study of Malay Culture for which UNESCO has approved US\$87,000 for the biennium 1973/1974 and has also extended the period of the project by another 2 years with the prospect of another period of 6 years. During the year under review, four UNESCO Seminars and Workshops were held in Malaysia, and 41 Malaysian officials and experts had been invited and participated at international conferences, workshops and seminars sponsored by UNESCO.


5. In my policy speech to the UNESCO General Conference in October 1972, I had proposed to UNESCO to declare 1974 as CHILDHOOD EDUCATION YEAR with special emphasis on pre-school and primary education. I also requested UNESCO to assist in the regeneration of the educational systems and programmes in the Asian region. The Malaysian delegation took the opportunity of holding discussions with the various departments of the UNESCO Secretariat for further areas of technical assistance and 14 such requests under the Participation Programme were submitted. As a result of these

discussions, the following assistance has been promised to date:-

- (i) Financial assistance of US\$8,000 towards the Regional Seminar on Curriculum Development in 1973 in Kuala Lumpur.
- (ii) A Consultant and Documentation Service for the National Seminar on Early Childhood Education.
- (iii) Grant towards the next Regional Conference of the Southeast Asian Regional Branch of International Council of Archives (SARBICA).
- (iv) Another Shipboard Fellowship in 1973 in addition to the fellowship awarded in 1972 to University Science, Malaysia, and in addition, professional assistance in the setting up of a Marine Science Centre in Malaysia, and
- (v) Assistance from the Asian Centre for Educational Innovation for Development towards the Educational Development Centre in Malaysia.

6. Although Malaysia has over the years been receiving technical, financial and other assistance from UNESCO, this Organisation will be able to help us more if we let it know what further types of assistance we will require. In order to do this, it is necessary that the National Commission, and especially its secretariat, be properly and effectively organised and staffed. This is the most important matter which you will be discussing at this meeting.

KB/rt
11.7.1973



Faint, illegible text, likely bleed-through from the reverse side of the page.



No Siri 557
No Penerimaan 202/80